

MEMO
KELULUSAN KEMBALI KE KAMPUS
FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN (FEP)

Merujuk memo Hal Ehwal Pelajar bil 9/2021: Kemasukan ke kampus secara berperingkat bagi sem 1 2021/2022 Permohonan adalah secara melalui sistem UKM2Campus <https://appsmu.ukm.my/2campus/>; bagi yang ingin kembali ke kampus

Manakala bagi pelajar yang kekal berada di tempat kediaman atau luar kampus WAJIB mengemaskini status di dalam sistem tersebut bagi tujuan rekod pihak Fakulti dan Universiti

Pembelajaran dan pengajaran FEP bagi sem 1 2021/2022 adalah secara dalam talian bagi tahun 1, 2, 3 dan 4. Hanya pelajar berikut sahaja di berikan keutamaan untuk kembali ke kampus:

- i. Pelajar tahun akhir
- ii. Pelajar yang mendaftar Suksis/Palapes
- iii. Pelajar yang mempunyai masalah capaian internet mengikut maklumbalas *google form* fakulti
- iv. Semua pelajar tahun 1 belum dibenarkan untuk kembali ke kampus

Kehadiran pelajar ke fakulti adalah berdasarkan SOP fakulti (**lampiran1**) yang telah ditetapkan dengan menyertakan perkara berikut:

- i. Bukti surat kelulusan daripada sistem UKM2Campus <https://appsmu.ukm.my/2campus/>;
- ii. Bukti kebenaran masuk oleh dekan fakulti
- iii. Saliva test/rtk test sebelum masuk ke fakulti

Sehubungan itu, sekiranya Saudara/I menghadapi kesulitan dan ingin mengajukan sebarang pertanyaan, boleh emelkan kepada sekretariat prasiswazahfep@ukm.edu.my atau terus hubungi 0389215367/ 5747/ 3066/ 3951/ 4478/5547

SEKRETARIAT PRASISWAZAH (FEP)



FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN
FACULTY OF ECONOMICS AND MANAGEMENT

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KEHADIRAN PELAJAR
KE FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN BIL.1/2021

1. MEWAJIBKAN pemakaian pelitup muka sepanjang berada di premis FEP.
2. Menggunakan laluan utama (FOYER) sahaja untuk memasuki premis FEP.
3. MEWAJIBKAN pelajar untuk mengimbas kod aplikasi My-Sejahtera di laluan masuk fakulti (FOYER).
4. MEWAJIBKAN pelajar untuk memeriksa suhu badan di laluan masuk fakulti (FOYER).
5. MEWAJIBKAN pelajar untuk membuat pengisytiharan kesihatan dengan mengisi *Health Declaration Form* setiap kali ingin hadir ke fakulti dengan jujur.
6. Mematuhi jarak penjarakan fizikal (1 – 1.5 meter) antara satu sama lain pada setiap masa.
7. Mengelakkan pertemuan secara fizikal antara pelajar dan pensyarah/ kakitangan.
8. Menghadkan masa perjumpaan bersama pelajar/ pensyarah/ kakitangan maksimum selama 15 minit.
9. Mengelakkan BERKUMPUL SECARA BERKUMPULAN MELEBIHI DARIPADA 3 ORANG termasuk semasa pembelian makanan dan waktu makan.
10. Mendapatkan kelulusan daripada Dekan FEP.
11. Mendapatkan Pas Kebenaran dari pihak Fakulti (JKKP FEP) di Kaunter Pejabat Dekan, Aras 6 (8.00 pagi – 5.00 petang). Pelajar diwajibkan untuk membawa Kad Pelajar bersama.
12. Hanya pelajar yang mempunyai Pas Kebenaran dari pihak Fakulti akan dibenarkan untuk memasuki premis FEP. Pas ini perlu dikembalikan kepada pihak Fakulti sebelum meninggalkan premis FEP.
13. Hanya maksimum 12 orang pelajar berdaftar sahaja dibenarkan untuk memasuki premis FEP dalam satu-satu masa.
14. Pelajar yang mempunyai simptom wabak Covid-19 seperti sakit tekak, batuk, selsema, demam, sesak nafas dan sakit badan TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI untuk memasuki premis FEP.